


Oleh **DILAH TUAH**



Bahasa Melayu dalam Transformasi Pendidikan Negara

Pendidikan merupakan wadah terpenting dalam membentuk rupa, wajah dan identiti nasional, yang akhirnya akan melahirkan konsep satu bangsa, satu negara dan satu bahasa. Di Malaysia, bahasa Melayu telah diangkat martabatnya, menjadi bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara, sejak awal kemerdekaan lagi. Pemilihan bahasa Melayu amat bertepatan dalam memenuhi keperluan bernegara, khususnya dalam konteks masyarakat berbilang kaum. Kepentingan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan turut diperakui oleh L.J Barnes dalam laporan beliau yang

dikemukakan kepada Kerajaan Inggeris pada tahun 1951. Hal ini demikian kerana sebagai sebuah negara yang memiliki masyarakat majmuk, Malaysia memerlukan sebuah sistem pendidikan yang menyeluruh, serta berteraskan falsafah pendidikan kebangsaan, yang dapat memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran negara. Dalam konteks keharmonian, bahasa Melayu sudah diperakui sebagai bahasa pemersatu dan bahasa perpaduan yang dapat menjadi tali pengikat antara kaum yang pelbagai di Malaysia. Dari sudut sejarah dasar pendidikan kebangsaan, kedudukan bahasa Melayu sebagai

bahasa pengantar telah diperakui dan diiktiraf oleh Penyata Razak 1956, Ordinan Pelajaran 1957, Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996. Dalam usaha untuk memartabatkan kedudukan bahasa Melayu di sekolah, pada awal tahun 1957, bahasa Melayu telah menjadi mata pelajaran wajib di sekolah rendah dan menengah. Penawaran mata pelajaran Bahasa Melayu, menjadi syarat utama bagi sesebuah sekolah untuk mendapatkan bantuan daripada kerajaan. Namun begitu, kedudukan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan kebangsaan masih jauh ketinggalan. Hal ini demikian kerana bahasa Inggeris masih menjadi bahasa pengantar


Selepas 20 tahun pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara, kedudukan bahasa Melayu mula tergugat atas tiket pemodenan bangsa. Pada tahun 2003, Tun Dr. Mahathir Mohamed, Perdana Menteri Malaysia ke-4 telah mengumumkan pelaksanaan Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI).

utama di sekolah rendah Inggeris. Hanya pada awal tahun 1970-an, bahasa Melayu mula mengambil fungsi sebagai bahasa pengantar bagi pelajar tahun 1 pada semua sekolah rendah kerajaan. Proses transisi pendidikan kebangsaan hanya selesai pada tahun 1975, apabila kesemua sekolah rendah aliran Inggeris berjaya ditukar menjadi sekolah rendah kebangsaan. Biarpun bahasa Melayu belum menjadi bahasa pengantar sepenuhnya di sekolah rendah kebangsaan, namun usaha ke arah matlamat tersebut dapat dilihat melalui perancangan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Antaranya termasuklah bahasa Melayu mula menjadi bahasa pengantar di tingkatan 1 pada tahun 1976, bahasa pengantar bagi tingkatan 5, pada tahun 1979, bahasa pengantar jurusan satera, bagi pelajar tahun 1 di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pada tahun 1980 dan bahasa pengantar bagi pelajar tingkatan 5 aliran sains pada tahun 1981. Pelaksanaan sepenuhnya dasar pendidikan kebangsaan yang berteraskan Penyata Razak, hanya dapat disempurnakan pada tahun 1982 apabila bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar utama pada semua peringkat persekolahan. Perkembangan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan tidak

terhenti pada peringkat sekolah, namun dilanjutkan sehingga peringkat universiti. Pada tahun 1970, atas semangat pendidikan bahasa kebangsaan, kerajaan telah menubuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Bangi, Selangor. UKM merupakan teras perjuangan politik bangsa Melayu dalam mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu pada peringkat pendidikan tinggi. UKM sehingga hari ini telah membuktikan kejayaan dalam melahirkan para sarjana, pemikir, pentadbir, pakar perubatan, ahli sains dan ramai lagi pakar bidang, hasil daripada pendidikan dalam bahasa Melayu. Manakala bagi IPTA-IPTA lain, bahasa Melayu hanya mula digunakan pada tahun 1983, sebagai bahasa pengantar bagi semua kursus yang ditawarkan. Selepas 20 tahun pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara, kedudukan bahasa Melayu mula tergugat atas tiket pemodenan bangsa. Pada tahun 2003, Tun Dr. Mahathir Mohamed, Perdana Menteri Malaysia ke-4 telah mengumumkan pelaksanaan Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI). Dasar tersebut, biarpun bercanggah dengan Akta Pendidikan 1996 serta

tidak selari dengan kehendak dan tujuan Perkar 152 Perlembagaan Persekutuan, namun telah diluluskan dalam Mesyuarat Khas Jemaah Menteri pada 19 Julai 2002. Pelaksanaan dasar ini bukan sahaja merendahkan martabat bahasa Melayu, tetapi turut menghakik keyakinan rakyat, terhadap keupayaan bahasa Melayu dalam mengungkap ilmu bagi bidang matematik dan sains. Malah, dasar ini turut membangkitkan semangat luar biasa sesetengah pihak yang mahu mengembalikan semula sistem pendidikan Inggeris di Malaysia. Walaupun dasar PPSMI telah dimansuhkan, kesan daripada dasar tersebut telah memusnahkan usaha yang dijalankan selama 45 tahun, untuk mendaulatkan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan negara. Hal ini dapat dilihat, apabila fungsi bahasa Melayu mula diambil alih oleh bahasa Inggeris, sama ada pada peringkat sekolah mahupun IPTA. Setelah kegagalan dasar PPSMI, kedudukan bahasa Melayu sedikit terbelah apabila kerajaan mengumumkan dasar baharu, iaitu dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI). Pada asasnya, dasar MBMMBI dilihat lebih memihak kepada bahasa Melayu, namun sehingga hari ini, dasar tersebut belum berupaya untuk memulihkan status bahasa

Language - Malay language



Melayu. Apa yang berlaku dalam dasar MBMMBI hari ini lebih memihak kepada pengukuhan bahasa Inggeris, berbanding pemertabatan bahasa Melayu. Malah, melalui dasar MBMMBI, kerajaan telah membelanjakan sejumlah peruntukan yang besar untuk membawa guru-buru pakar bahasa Inggeris dari United Kingdom untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar. Di sisi lain, tiada pula program yang serupa untuk memartabatkan bahasa Melayu, sebagai bahasa kebangsaan di sekolah.

Dalam usaha kerajaan meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar, pada pembentangan belanjawan 2016 yang lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM135 juta di bawah inisiatif dasar MBMMBI, bagi melaksanakan Program Imersif Tinggi (HIP) dan Program Dwibahasa (DLP) di 300

buah sekolah di seluruh Malaysia. Pelaksanaan HIP dan DLP ialah hasil daripada kaji selidik secara dalam talian yang dilaksanakan oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), pada Oktober 2015. Kajian yang dijalankan secara tergesa-gesa serta hanya mengambil kira pandangan penduduk bandar yang mempunyai akses internet, sama sekali tidak memenuhi pandangan nasional, khususnya pandangan penduduk luar bandar. Selain itu, pelaksanaan DLP tidak menyeluruh, kerana hanya dilaksanakan di Sekolah Kebangsaan (SK) dan tidak pula melibatkan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina dan Tamil.

Di samping itu, peruntukan yang besar, khususnya untuk HIP dan DLP, secara tidak langsung memperlihatkan betapa pentingnya bahasa Inggeris, dalam dasar MBMMBI. Menurut Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Datuk Seri Dr. Khair Mohamad Yusof dalam *MStar* bertarikh 29

Oktober 2015, HIP merupakan program peningkatan kemahiran bahasa Inggeris dalam kalangan murid melalui peningkatan penggunaan dan penguasaan bahasa tersebut dalam komuniti sekolah. Manakala, DLP pula merupakan program pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains, Matematik, Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Reka Bentuk dan Teknologi dalam dwibahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Peningkatan jumlah mata pelajaran yang diajar dalam DLP, sangat bertentangan dengan rasionalisasi pelaksanaan MBMMBI, yang jelas mengatakan bahawa murid lebih mudah mengikuti P&P dalam bahasa Melayu berbanding bahasa Inggeris. Malah, dapatan UNESCO menunjukkan, pelajar lebih mudah mempelajari pelajaran dalam bahasa ibunda pada peringkat awal persekolahan.

Selain itu, pelaksanaan DLP pada tahun ini amat bertentangan dengan matlamat MBMMBI, yang

bertujuan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang menjadi alat perpaduan, bahasa perhubungan utama dan bahasa ilmu dalam membina negara bangsa untuk mencapai hasrat 1 Malaysia. Jika diteliti dari sudut perlembagaan, DLP sama sekali bercanggah dengan Akta Pelajaran 1996, yang secara jelas menyatakan bahawa bahasa Melayu ialah bahasa pengantar utama di sekolah. Biarpun DLP dilaksanakan di 300 buah sekolah sebagai projek perintis, namun pelaksanaannya pada tahun ini, bakal memusnahkan impian bahasa Melayu pasca-PPSMI untuk menjadi bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara. Akhirnya, bahasa Melayu sekali lagi terpaksa dikorbankan, untuk memberikan laluan kepada program DLP, yang dilihat lebih kepada membawa kembali roh PPSMI ke dalam sistem pendidikan Malaysia.

Secara jujurnya, penolakan terhadap DLP bukan bermaksud kita menolak kepentingan bahasa Inggeris sebagai bahasa perhubungan antarabangsa. Hal ini dikatakan demikian kerana sejak dahulu lagi bahasa Inggeris sentiasa mendapat ruang yang cukup besar dalam sistem pendidikan negara. Di sekolah, masa yang diperuntukkan bagi pengajaran bahasa Inggeris semakin meningkat dan hampir menyamai jumlah masa pengajaran bahasa Melayu. Namun demikian, pelajar masih belum dapat menguasai bahasa tersebut dengan baik. Mungkin sudah tiba masanya sukatan pengajaran bahasa Inggeris yang sedia ada perlu dirombak dan dstrukturkan semula agar lebih beracukan keperluan negara serta kepentingan nasional. Selain itu, pandangan yang mengatakan bahawa bahasa Inggeris lebih

Di sekolah, masa yang diperuntukkan bagi pengajaran bahasa Inggeris semakin meningkat dan hampir menyamai jumlah masa pengajaran bahasa Melayu. Namun demikian, pelajar masih belum dapat menguasai bahasa tersebut dengan baik.

sesuai untuk mengajarkan mata pelajaran matematik dan sains adalah tidak tepat. Hal ini dikatakan demikian kerana di Vietnam, mata pelajaran matematik diajarkan dalam bahasa ibunda dan hasilnya amat mengejutkan apabila Vietnam berjaya meninggalkan Malaysia dalam penguasaan mata pelajaran tersebut.

Di samping itu, Malaysia seharusnya mencontohi negara-negara lain, yang komited dalam melaksanakan bahasa kebangsaan mereka dalam sistem pendidikan. Hal ini dapat dibuktikan, apabila negara seperti Jepun, Perancis, Jerman, Korea, Israel dan China yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan lebih maju dan moden berbanding negara-negara lain. Manakala, negara-negara seperti

Kenya, Afrika Selatan, India dan Filipina yang menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya masih mundur dan miskin. Sehubungan dengan itu, dalam pembangunan negara seperti Malaysia, bahasa Inggeris bukan menjadi titik penamat untuk menjadikan sebuah negara itu maju atau mundur. Bahasa Melayu sebenarnya sudah mempunyai asas bahasa ilmu yang kukuh sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka, namun sikap keterbukaan dasar kita sejak merdeka, menjadikan bahasa Melayu hanya nampak gah dalam perlembagaan tetapi lemah dari sudut penguatkuasaan. Dari aspek ini, kita ternyata jauh ketinggalan berbanding Thailand dan Indonesia, yang dapat menguatkuasakan dasar bahasa kebangsaan mereka secara menyeluruh.

Kesimpulannya, perjuangan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, banyak dicorakkan oleh sikap serta tanggapan yang salah terhadap bahasa tersebut. Persepsi yang negatif ini, secara tidak langsung telah menjayakan imej serta kewibawaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa pengantar dan bahasa perpaduan. Realiti hari ini, bahasa Melayu bukan sahaja ditolak jauh dalam sistem pendidikan, tetapi mula dikesampingkan dalam sistem pentadbiran. Malah, bahasa Melayu turut menjadi mangsa kepentingan politik bagi sesetengah individu. Paling menyedihkan, terdapat ramai pemimpin Melayu yang hanya berdiam diri ketika bahasa Melayu diperlekehkan tanpa maruah oleh agen kapitalis Barat yang bertopengkan kemajuan dan pembangunan. Jika hal ini yang berlaku dan dibiarkan terus berlaku, bahasa Melayu bakal ditalqinkan atas nama bahasa kebangsaan, oleh bangsanya sendiri. **DB**